

## LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Apakah tujuan menyediakan Akaun Pengeluaran?  
**A** Merancang proses pengeluaran.  
**B** Mengira untung atau rugi daripada pengeluaran.  
**C** Mengira semua kos yang terlibat dalam pengeluaran.  
**D** Menunjukkan kedudukan kewangan firma pengeluaran.
- Item manakah yang diambil kira dalam menghitung Kos Prima?  
**I** Belanja alat kecil  
**II** Susut nilai mesin  
**III** Gaji operator kilang  
**IV** Angkutan masuk bahan langsung  
**A** I dan II                      **C** II dan III  
**B** I dan IV                     **D** III dan IV
- Dalam penyediaan Akaun Pengeluaran, komponen yang manakah cap dagangan (paten) akan dicatat?  
**A** Kos Overhed  
**B** Belanja Langsung  
**C** Kos Buruh Langsung  
**D** Kos Bahan Langsung
- Antara berikut, yang manakah merupakan butiran Kos Overhed?  
**A** Loji dan alatan kilang  
**B** Susut nilai alatan kecil  
**C** Sewa bangunan pejabat  
**D** Gaji operator pengeluaran
- Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kasut Yahya:

|                                | RM     |
|--------------------------------|--------|
| Inventori awal bahan langsung  | 4 000  |
| Belian bahan langsung          | 50 000 |
| Kos buruh langsung             | 10 000 |
| Kos buruh tak langsung         | 4 000  |
| Sewa kilang                    | 2 000  |
| Inventori akhir bahan langsung | 8 000  |

Hitungkan Kos Prima bagi Kilang Kasut Yahya.

- A** RM56 000  
**B** RM58 000  
**C** RM60 000  
**D** RM62 000

- Apakah komponen bagi gaji pengurus kilang dalam Akaun Pengeluaran?  
**A** Belanja Langsung  
**B** Kos Overhed  
**C** Kos Buruh Langsung  
**D** Kos Bahan Langsung
- Rumus berikut berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran:

$$= X + \text{Kos Overhed} + \text{Kerja dalam Proses Awal} - \text{Kerja dalam Proses Akhir}$$

Apakah X?

- A** Kos Tetap  
**B** Kos Prima  
**C** Kos Buruh  
**D** Kos Bahan

- Apakah rumus bagi Kos Prima?  
**A** Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung – Kos Overhed  
**B** Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Kos Overhed  
**C** Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung  
**D** Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung – Belanja Langsung

- Data berikut diperolehi daripada Kilang Biskut Sedap.

|                          | RM     |
|--------------------------|--------|
| Bahan langsung           | 8 500  |
| Buruh langsung           | 3 500  |
| Susut nilai mesin        | 1 000  |
| Buruh tak langsung       | 2 000  |
| Barang siap              | 20 000 |
| Kerja dalam proses awal  | 4 500  |
| Kerja dalam proses akhir | 2 100  |

Hitungkan Kos Pengeluaran.

- A** RM4 500  
**B** RM5 600  
**C** RM15 400  
**D** RM17 400

10. Pernyataan yang manakah **tidak benar** tentang konsep Titik Pulang Modal?
- A Satu paras pengeluaran perniagaan memperoleh keuntungan.
  - B Satu paras pengeluaran jumlah hasil sama dengan jumlah kos.
  - C Satu paras pengeluaran perniagaan tidak mengalami kerugian.
  - D Satu paras pengeluaran perniagaan tidak mendapat untung.
11. Rumus mengira Margin Caruman Seunit ialah
- A Harga Jualan Seunit – Kos Tetap Seunit
  - B Harga Jualan Seunit – Jumlah Kos Seunit
  - C Harga Jualan Seunit – Kos Berubah Seunit
  - D Jumlah Kos Seunit – Kos Berubah Seunit

12. Berikut ialah butir-butir operasi Kilang Zum bagi tahun 2016 dan 2017.



| Tahun | Unit Jualan | Jumlah Jualan (RM) | Jumlah Kos (RM) |
|-------|-------------|--------------------|-----------------|
| 2016  | 30 000      | 150 000            | 132 000         |
| 2017  | 48 000      | 240 000            | 186 000         |

**Maklumat Tambahan:**

Harga Jualan Seunit, Kos Berubah Seunit dan Kos Tetap untuk kedua-dua tahun tersebut adalah malar.

Berapakah Kos Berubah Seunit?

- A RM3.00
- B RM3.88
- C RM4.40
- D RM5.00

13. Maklumat berikut ialah kos bagi pengeluaran 5 000 unit pen.

|                | RM     |
|----------------|--------|
| Kos Tetap      | 60 000 |
| Bahan Langsung | 25 000 |
| Buruh Langsung | 12 000 |

Harga Jualan Seunit pen ialah RM8.00.

Hitung Titik Pulang Modal bagi pengeluaran pen tersebut.

- A 7 500 unit
- B 12 125 unit
- C 20 000 unit
- D 100 000 unit

14. Maklumat berikut berkaitan dengan produk pencuci pinggan yang dikeluarkan oleh Kilang Sabunku.

|                     | RM     |
|---------------------|--------|
| Kos Tetap           | 25 000 |
| Kos Berubah Seunit  | 2      |
| Harga Jualan Seunit | 4      |

Hitung untung sasaran jika kilang tersebut menjual 20 000 unit pencuci pinggan.

- A RM15 000
- B RM30 000
- C RM40 000
- D RM50 000

15. Syarikat Anti Serangga Berhad menjual Racun Serangga CK dengan harga RM8 seunit. Kos berubah seunit ialah RM2 dan kos tetap ialah RM12 000. Berdasarkan maklumat di atas, berapakah unit keluaran Racun Serangga CK yang harus dijual untuk mencapai Titik Pulang Modal?
- A 1 200 unit
  - B 1 500 unit
  - C 2 000 unit
  - D 6 000 unit

16. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkilangan Am Toys bagi tahun 2017.

|                     | RM     |
|---------------------|--------|
| Kos Tetap           | 80 000 |
| Kos Berubah Seunit  | 50     |
| Harga Jualan Seunit | 75     |

Berapakah unit yang perlu dikeluarkan oleh Perkilangan Am Toys untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM32 000?

- A 1 280 unit
- B 2 240 unit
- C 3 200 unit
- D 4 480 unit